

20 SEP 1997

RAMAI LAGI ANGGOTA S46 BELUM DITERIMA MASUK DALAM UMNO

PETALING JAYA, 20 Sept (Bernama) -- Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah berkata "puluhan ribu" anggota parti yang dibubarkan itu belum diterima masuk ke dalam Umno walaupun proses kemasukan sepatutnya selesai pada awal tahun ini.

Katanya beliau menemui Perdana Menteri hari ini bagi memaklumkan mengenai perkara itu dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno berjanji akan cuba menyelesaikan masalah itu dengan segera.

Tengku Razaleigh yang juga Anggota Parlimen Gua Musang berkata Dr Mahathir terkejut kerana masih ada bekas anggota Semangat 46 yang tidak diserap masuk dalam Umno sedangkan beliau sudah diberi taklimat menyatakan proses kemasukan semua bekas anggota Semangat 46 sudah selesai. Parti itu dibubarkan Oktober tahun lepas.

"Dalam kawasan Parlimen Gua Musang hanya 100 orang diterima masuk dalam Umno sedangkan jumlah keseluruhan anggota Semangat 46 di kawasan ini ialah 17,000 orang," katanya selepas melancarkan buku bertajuk "The Merican Clan : A Story of Courage and Destiny" di sini hari ini. Buku karya penulis bebas Datin Ragayah Eusoff menghuraikan susur galur keluarga Merican.

Tengku Razaleigh berkata kemasukan bekas anggota Semangat 46 perlu disegerakan kerana mereka boleh membantu Umno menawan semula Kelantan daripada tangan PAS.

Katanya terdapat 100,000 bekas anggota Semangat 46 yang tidak menyerahkan borang permohonan kemasukan ke dalam Umno kerana kecewa dengan proses penyerapan yang terlalu lambat. --BERNAMA

NY MAI